



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**KONVENSYEN MEDIASI KOMUNITI
TAHUN 2024**

24 FEBRUARI (SABTU)

**DEWAN TUN DR. ISMAIL
PUSAT DAGANGAN DUNIA KUALA LUMPUR
(WTCKL)**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

SALUTASI

*disediakan secara berasingan

PENDAHULUAN

1. Penganjuran **Konvensyen Mediasi Komuniti yang bertemakan Mediator Komuniti Pemangkin Keharmonian Negara** ini merupakan julung - julung kalinya diadakan sebagai platform utama perkongsian pengalaman Mediator Komuniti.
2. Untuk makluman semua, Mediator Komuniti merupakan **salah satu lagi jentera perpaduan** yang memainkan peranan cukup penting dalam **menyatupadukan perpaduan kaum** dan membantu **memelihara keharmonian masyarakat** khususnya di kawasan komuniti sebagai **Pendamai Masyarakat**.
3. Sehingga kini, terdapat seramai **564 Mediator Komuniti** (163 Pegawai Perpaduan, 379 AJK KRT dan 22 NGO Agama) bertauliah di bawah Kementerian Perpaduan Negara.

LATAR BELAKANG MEDIATOR KOMUNITI

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memperkenalkan **Program Mediator Komuniti sejak tahun 2009 secara berstruktur** bagi tujuan melatih pemimpin-pemimpin **Rukun Tetangga (RT), Pegawai-Pegawai Perpaduan dan NGO Agama** untuk menjadi pengantara atau pemudahcara.
5. Mediator Komuniti terus mengorak langkah dan dikembangkan penyertaannya dengan **siri-siri latihan bersepadu** yang telah dilaksanakan seperti **Kursus Pensijilan Asas Mediasi bersama Pusat Bantuan Guaman dibawah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 2014 hingga 2016.**
6. Seterusnya, kerjasama strategik diperkukuh bersama **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2018** dengan termetai **Memorandum Perjanjian** bagi pelaksanaan **Kursus Pensijilan Asas Mediasi Agama selama 5 tahun.**

7. **Pada tahun 2021**, kursus ini telah disuntik dengan elemen yang lebih holistik **melalui rombakan silibus dan penjenamaan nama kursus kepada Kursus Pensijilan Asas Mediasi Sosial.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

8. **Mediasi merupakan kaedah atau pilihan alternatif kepada pihak-pihak yang bertelagah untuk mencari penyelesaian tanpa melibatkan perundangan atau mahkamah dan dilaksanakan dalam suasana yang lebih harmoni.**
9. Skop perkhidmatan mediasi yang dikendalikan Mediator Komuniti dibawah Kementerian ini adalah **berkaitan dengan isu-isu yang berlaku dalam kawasan kejiranan setempat** seperti isu tempat letak kereta (*parking*), gangguan bunyi bising, pergaduhan antara jiran, isu kekeluargaan dan pelbagai lagi.

HALA TUJU MEDIATOR KOMUNITI : MENGANGKASA MEDIATOR KOMUNITI

Hadirin yang dikasihi sekalian,

10. **Inisiatif Mengangkasa Mediator Komuniti dirangka oleh Kementerian** untuk mencorak masa hadapan Mediator Komuniti yang lebih terarah dan berwibawa.
11. Antara aspek yang akan diberi tumpuan pastinya berkaitan dengan **hal-ehwal perundangan** yang merangkumi **tadbir urus kelayakan dan pelantikan, standard kompetensi** dan **penubuhan badan yang memberi akreditasi** kepada pengantara. Oleh itu, **pindaan ke atas Akta Rukun Tetangga 2012** akan dilaksanakan pada tahun ini termasuk **penyediaan Peraturan-Peraturan Mediasi Komuniti** di bawah Akta RT.
12. Kementerian akan memastikan **kursus dan latihan berkala serta berstruktur** diberikan kepada **Mediator Komuniti seperti Kursus *Up-Skilling* dan Kursus *Re-Skilling*** bagi **memperkasakan kebolehan dan kemahiran mediator** dalam mengendalikan kes-kes mediasi.

13. Oleh itu, saya sedar kepentingan menguasai sesuatu ilmu dalam bidang-bidang tertentu seperti **Literasi Undang-Undang, Asas Psikologi dan Komunikasi** serta ilmu hubungan etnik amat berguna dan menjadi nilai tambah kepada **Mediator** dalam mengendalikan kes-kes mediasi kelak.

14. Kementerian akan mengkaji untuk melihat potensi **mewujudkan satu badan akreditasi Mediator Komuniti** untuk menyuntik semangat dan meningkatkan tahap profesionalisme mereka dalam menggalas tanggungjawab sebagai pendamai masyarakat khususnya mengurus konflik sosial di peringkat komuniti.

15. Sebanyak **empat (4) Pusat Mediasi Komuniti** telah ditubuhkan pada tahun lepas iaitu:
 - **Johor (Pusat Mediasi Komuniti KRT Tongkang Pechah, Batu Pahat)**
 - **Pulau Pinang (Pusat Mediasi Komuniti Daerah Seberang Perai Selatan)**
 - **Negeri Sembilan (Pusat Mediasi Komuniti Negeri Sembilan)**

- **Kuala Lumpur (Pusat Mediasi Komuniti Kuala Lumpur)**

16. Bagi tahun 2024, Kementerian bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan mediasi melalui penubuhan pusat di negeri berikut:

- **Perlis – Pusat Mediasi Komuniti KRT Pekan Pauh**
- **Putrajaya – Pusat Mediasi Komuniti WP Putrajaya**
- **Melaka – Pusat Mediasi Komuniti Daerah Alor Gajah**

17. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) , Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian melalui JPNIN dalam usaha mengangkasakan peranan dan fungsi Mediasi dalam komuniti melalui gunasama kemudahan fasiliti agensi masing-masing.

PENUTUP

Saudara-saudari yang saya kasihi,

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada **394 mediator yang akan ditauliahkan** sebentar lagi. Saya berharap barisan mediator semua dapat memainkan peranan yang jitu dalam membantu kerajaan memupuk perpaduan dan memelihara keharmonian masyarakat.

19. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan **Konvensyen Mediasi Komuniti Tahun 2024.**

Sekian, terima kasih